



KERATAN AKHBAR

CAWANGAN PERHUBUNGAN AWAM
IBU PEJABAT, JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA



Terbitan : *Harian Metro*

Tarikh : 23/5/2023

M/S : 11

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru

Taktik sindiket penyeludupan dadah menyembunyikan ketulan ganja mampat dalam balang biskut raya untuk dihantar ke Sabah dan Sarawak menggunakan syarikat penghantaran barang terbongkar susulan serbuan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di bandar raya ini, bulan lalu.

Pengarah Kastam Johor, Misbahudin Parmin berkata, serbuan dilakukan di sebuah pejabat syarikat penghantaran di bandar raya ini itu susulan risikan selama tiga bulan hasil maklumat JKDM Sarawak.

Katanya, hasil serbuan membawa kepada penemuan sembilan bungkusan biskut raya dan kacang yang disasarkan untuk pasaran Sabah dan Sarawak.

"Pemeriksaan ke atas sembilan bungkusan kuih raya berkenaan mendapati 10 ketulan mampat disyaki ganja disembunyikan dalam

bekas lut sinar bersama biskut raya.

"Ini kali pertama sindiket penyeludupan dadah dikesan menggunakan modus operandi menghantar dadah disembunyikan bersama biskut raya yang dihantar menggunakan syarikat penghantar barang bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

"Susulan penemuan ganja disembunyikan dalam bungkusan biskut raya itu, seorang lelaki berusia 27 tahun yang membuat penghantaran biskut raya itu ditahan untuk siasatan.

"Penahanan suspek pertama itu membawa kepada serbuan di sebuah kediaman di bandar raya ini yang dijadikan pusat pembungkusan ganja untuk dihantar menerusi syarikat penghantaran bersama biskut raya berdasarkan tempahan," katanya dalam sidang media di Menara Kastam Johor di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Misbahudin berkata, serbuan turut membawa kepada penahanan suspek kedua iaitu seorang lelaki berusia 29 tahun yang positif dadah.

Biskut raya ganja

Pos barang terlarang ke Sabah, Sarawak guna syarikat penghantaran

Katanya, hasil pemeriksaan di kediaman berkenaan membawa kepada penemuan ketulan mampat dipercayai ganja seberat 24 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM82,874.

"Kes ini disiasat mengikut Seksyen 39B (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 berikutan memiliki dadah berbahaya.

"Jika sabit kesalahan, ia

membawa hukuman mati atau penjara seumur hidup dan sekiranya tidak dihukum mati, dihukum dengan 15 sebatan maksimum," katanya.

MISBAHUDIN menunjukkan gambar bekas kuih raya bercampur dadah yang dirampas.



WAN Jamal menunjukkan rokok seludup bernilai RM5.5 juta yang dirampas pada sidang media di Wisma JKDM Padang Bongor.
- Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Rampas rokok RM5.5j dalam 3 serbuan

Kota Bharu: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan mematahkan cubaan sindiket penyeludup membawa masuk 699 peti mengandungi 6,990,000 rokok bernilai RM5.5 juta termasuk cukai dalam tiga serbuan berasingan.

Pengarahnya Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, serbuan itu dilakukan hasil maklumat awam, risikan serta intipan anggota risikan Zon Timur dan Cawangan Penguatkuasaan Pengkalan Kubor dan Pasukan Operasi Cawangan Kota Bharu dan JKDM pada Khamis dan Sabtu lalu.

Menurutnya, serbuan per-

tama dilakukan di Gua Musang pada jam 10 pagi, Khamis lalu dan merampas 494 peti berjumlah 4,940,000 rokok.

"Kami juga menahan seorang orang yang disyaki (OYDS) berusia 42 tahun dan sebuah lori kontraktor syarikat kurier yang digunakan untuk penyeludupan rokok berkenaan.

"Rampasan kedua dan ketiga masing-masing di Tumpat dilakukan Sabtu lalu dan kami menahan dua lori.

"Rampasan kedua membabitkan 125 peti dengan jumlah 1,250,000 rokok dan rampasan ketiga pula 80 peti mengandungi 800,000 ro-

kok," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat JKDM Kelantan, di sini, semalam.

Beliau berkata, rampasan itu adalah yang terbesar tahun ini.

"Siasatan mendapati modus operandi digunakan adalah membawa masuk rokok berkenaan dari negara jiran melalui jalan laut dan Sungai Golok untuk diedarkan ke luar negeri Kelantan iaitu Lembah Klang.

"Mereka menggunakan taktik bertukar pemandu dan kenderaan sebelum tiba ke lokasi sasaran di mana rokok seludup berkenaan hendak dijual," katanya.

Beliau berkata, semua kes

disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.

"Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda tidak kurang 10 kali nilai barang atau RM100,000 yang mana lebih besar dan tidak lebih dari 20 kali nilai barang atau RM500,000 atau dipenjara tidak kurang enam bulan dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama.

"Rokok diklasifikasikan sebagai barang larangan import yang tertakluk di bawah Butiran 66, Jadual Ketiga/Bahagian I, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017," katanya.